

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]
TARIKH : 28 May 2015
SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit yang meninggal dunia di Sarawak General Hospital akibat daripada jangkitan semasa dalam jagaan hospital (*Hospital Acquired Infection*).

Tuan Yang di-Pertua,

Kualiti dan keselamatan pesakit merupakan antara isu yang utama dalam penjagaan kesihatan. Hospital Acquired Infection (HAI) atau jangkitan hospital pula adalah masalah yang besar dari aspek keselamatan pesakit.

HAI adalah kejadian yang paling kerap berlaku semasa penjagaan kesihatan di seluruh dunia. Berjuta-juta pesakit mendapat jangkitan di seluruh dunia setiap tahun. Walaupun kejadian ini tidak boleh dicegah sepenuhnya disebabkan faktor di luar kawalan, namun kebanyakannya dapat dielakkan.

Data Hospital Umum Sarawak menunjukkan bahawa daripada jumlah keseluruhan 54,184 pesakit yang dimasukkan ke hospital pada tahun 2014, seramai 108 pesakit dijangkiti HAI. Ini adalah bersamaan dengan 0.2%. Daripada 108 kes HAI yang dilaporkan, 18 pesakit meninggal dunia atas pelbagai sebab (all cause mortality).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terus memantau dan mengambil langkah bagi memastikan rakyat mendapat perawatan terbaik di dalam persekitaran perawatan yang lebih selamat.